

25 SEP 2003

Mahathir-PBB

PBB GAGAL MAIN PERANAN KERANA TIDAK TEGUH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 25 Sept (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak dapat berdiri teguh dengan sendirinya dan oleh itu tidak dapat membantu yang miskin dan lemah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan terakhirnya sebagai ketua kerajaan di Perhimpunan Agung ke 58 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di sini, pada Khamis.

Oleh itu, kata beliau, sudah tiba masa bagi badan itu disusun semula dan diterapkan demokrasi untuk membayangkan suara majoriti.

Beliau meminta supaya dimansuhkan konsep "veto negara tunggal yang tidak demokratik" yang menjadikan PBB dan agensi-agensinya "kehilangan kuasa" dan dipergunakan oleh negara-negara berkuasa untuk kepentingan mereka.

Dr Mahathir mencadangkan supaya konsep veto tunggal itu digantikan dengan satu konsep veto yang diubahsuai supaya dua negara dengan kuasa veto yang mahu menghalang apa-apa resolusi PBB mendapat sokongan sekurang-kurangnya daripada tiga anggota Majlis Keselamatan.

"Tetapi ini pun akhirnya perlu memberi laluan kepada keputusan majoriti dalam Majlis Keselamatan," katanya.

Beliau berkata Perhimpunan Agung yang diilhamkan sebagai satu forum bagi negara-negara dunia malangnya kini hanya mengikut telunjuk Majlis Keselamatan, yang sebaliknya menurut perintah mana-mana satu daripada lima pemenang perang yang berlaku lebih separuh abad lepas. "Ia bukan forum demokratik."

Dr Mahathir yang lantang dalam menyuarakan bantahannya terhadap ketidakadilan kecewa kerana PBB sanggup diabaikan dan diketepikan semasa ia bertungkus lumus untuk kekal relevan.

"Organ-organnya telah dipotong, dibedah dan dibentuk semula supaya mereka berfungsi mengikut kehendak tok dalang," katanya merujuk kepada agensi-agensi badan dunia itu seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Badan-badan kewangan dunia kini telah dijadikan alat untuk menindas yang lain, untuk memiskinkan lagi yang sudahpun miskin dan untuk memperkayakan lagi yang kaya. "Oleh itu adalah tidak ganjil yang hari ini jurang antara yang miskin dan kaya adalah lebih luas."

Pasaran bebas digunakan "untuk mendisiplin kerajaan-kerajaan."

Dr Mahathir juga mencadangkan supaya untuk mengambil kesempatan daripada perdagangan dunia cukai dikenakan oleh PBB untuk membina infrastruktur yang diperlukan oleh negara-negara miskin.

Menurut beliau lagi, kadar pertukaran perlu ditetapkan oleh sebuah suruhanjaya antarabangsa berdasarkan kepada isu-isu relevan. Selain daripada komisyen yang kecil, tiada keuntungan boleh dibuat melalui spekulasi atau memanipulasi kadar pertukaran.

Sementara itu, subsidi oleh negara-negara kaya bagi pengeluaran makanan dan produk lain mesti dihalang walaupun negara-negara miskin mesti dibenarkan melindungi industri dan pengeluaran makanan mereka bagi tempoh tertentu.

"Dunia telah hilang arah -- Kita perlu kembali ke pangkal jalan." Perdana Menteri menyeru anggota-anggota badan dunia itu untuk menilai semula kedudukan badan itu dan memetik satu perpatih Melayu "Kalau Sesat Pulang Ke Pangkal Jalan".

"Jika kita berani mengakuinya, kebanyakan daripada masalah yang kita alami hari ini adalah kerana pembahagian sembarangan tanah Palestin untuk

mewujudkan negara Israel bagi menyelesaikan masalah Yahudi di Eropah," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengunjungi presiden bagi sesi ke 58 Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Julian Hunte dan juga Setiausaha Agung PBB Kofi Annan.

Dalam pertemuan itu Perdana Menteri menyampaikan satu cenderamata daripada rakyat Malaysia dalam bentuk "tepak sireh", satu lambang diplomasi, dialog, persahabatan dan kerjasama.

-- BERNAMA

SH MUN PR